

11/05/1997

Rafidah lega penjelasan Presiden

KUALA LUMPUR: Bekas Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, lega dengan penjelasan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa beliau tidak terbabit dalam isu penyelewengan pergerakan itu.

Rafidah yang dihubungi TV3 di Montreal, Kanada, semalam berkata keputusan MT itu jelas membuktikan beliau tidak terbabit dalam kes penyelewengan wang itu.

"Yang kedua, kita sudah dapat duit itu balik dan itu hak Wanita Umno," katanya.

Semalam, Perdana Menteri berkata, Majlis Tertinggi (MT) Umno mengenal pasti pemimpin pergerakan berkenaan yang terbabit dalam kes itu dan mengarahkannya membayar balik wang yang hilang.

Dr Mahathir juga berkata, setakat ini sebahagian besar wang yang hilang daripada akaun pergerakan itu berjumlah RM1.8 juta, sudah dikembalikan.

Perdana Menteri bagaimanapun enggan mendedahkan identiti pemimpin berkenaan kerana perkara itu membabitkan hal ehwal dalaman parti, tetapi menjelaskan Rafidah dan ketua pergerakan itu sekarang, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, tidak terbabit dalam kes berkenaan.

Sehubungan itu, Rafidah berkata, beliau menyerahkan kepada MT mengambil tindakan susulan terhadap mereka yang bersalah.

(END)